



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI & HAL EHWAL PENGGUNA



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDNHEP)

TEKS UCAPAN

YB CHONG CHIENG JEN

**TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA**

SEMPENA

**PROGRAM #JOMDAFTARSSM2020 DAN
HARI BERSAMA PELANGGAN**

PADA
20 FEBRUARI 2020

TEMPAT

MENARA SSM

1. Salam Sejahtera saya ucapkan kepada semua yang hadir pada petang yang mulia ini, sempena Program **#JOMDAFTARSSM2020** yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga kerja SSM yang bertungkus lumus berusaha dan berjaya menganjurkan Program ini selari dengan visi dan misi SSM sebagai pendaftar dan pengawal selia terulung dalam mendaftarkan perniagaan di Malaysia.

3. Antara objektif program ini adalah untuk menggalakkan pendaftaran perniagaan dalam kalangan PKS dan juga kepada semua jenis aktiviti perniagaan di Malaysia tertakluk kepada Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Selain itu, ianya juga memupuk budaya keusahawanan dari peringkat awal dengan mendaftarkan perniagaan di SSM, mencontohi kejayaan para usahawan Kecil dan Sederhana yang hadir pada hari ini dan penganjuran pelbagai aktiviti yang dapat memberi manfaat kepada pelanggan SSM.

4. Penganjuran Program **#JOMDAFTARSSM2020** ini juga selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 di bawah Teras Ekosistem Perniagaan dan Industri dalam melahirkan usahawanan yang mantap, kreatif dan inovatif serta berani mengambil risiko dan meneroka peluang perniagaan di Malaysia dan antarabangsa.

5. Adalah amat penting untuk negara melahirkan sebanyak mungkin bilangan atau kelompok usahawan yang berkualiti dan berkemahiran tinggi demi memastikan ekosistem keusahawanan sedia ada dapat diperkasakan. Usaha pembudayaan keusahawanan perlu dilaksanakan secara holistik dan disemai dalam kalangan rakyat

umumnya bagi memperoleh kelebihan serta manfaat yang disediakan oleh Kerajaan khususnya dalam bidang perniagaan.

6. Merujuk kepada kenyataan media yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) pada 7 Februari 2020, Jawatankuasa Pelaburan Kebangsaan (NCI) yang dipengerusikan bersama oleh YB Datuk Darell Leiking, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama YB Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan (MOF) memulakan tahun 2020 dengan lima Projek Pembuatan dan Perkhidmatan yang diluluskan bernilai RM4.6 bilion pada 30 Januari 2020 bagi projek yang bertempat di Pulau Pinang, Kedah dan Pahang.

7. Projek yang diluluskan ini adalah dalam sektor elektrik dan elektronik, jentera dan peralatan, dan industri automotif. Majoriti pelaburan adalah daripada sumber luar yang mana menyumbang sebanyak 97.3 % kepada jumlah kesemua pelaburan. Pelaburan yang dilakukan ini adalah dari Singapura, Hong Kong dan Amerika Syarikat (US).

8. Dengan jumlah projek yang diluluskan ini diharap sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan ekosistem dan pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang akan melimpah kepada usahawan tempatan dan pemain industri di Malaysia. Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Trading Economics menunjukkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) Malaysia meningkat kepada RM 3.73 bilion

pada suku keempat tahun 2019 daripada RM 2.91 bilion pada tahun sebelumnya. FDI tersebut disalurkan terutamanya di dalam sektor perkhidmatan, pembinaan dan pembuatan, terutamanya dari Singapura, Ireland dan Hong Kong.

9. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh World Bank pada Februari 2020 menyatakan Malaysia berada di ranking ke-12 di antara 190 negara ekonomi dalam "Ease of Doing business in Malaysia" pada tahun 2019 yang mana ranking itu bertambah baik daripada tahun 2018 yang berada pada kedudukan ke-15.

10. Hal ini dapat meningkatkan daya tarikan kepada pelabur-pelabur luar yang masih aktif untuk melabur di Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang diutamakan dan akan menambah banyak peluang pekerjaan kepada Negara. Oleh yang demikian, Pihak Kementerian amat menggalakkan mana-mana individu untuk turut serta bagi menjayakan Program ini.

11. Program seumpama ini memberi manfaat kepada rakyat dalam meningkatkan kesedaran kepentingan mendaftarkan perniagaan dalam melaksanakan aktiviti perniagaan secara sah di Malaysia di samping menjamin hak pengguna dan juga peniaga.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

12. Penganjuran program ini telah mensasarkan sebanyak 2,020 pendaftaran perniagaan yang melayakkan SSM memperolehi pengiktirafan *Malaysia Book Of Records (MBR)* sebagai agensi pertama mencipta rekod **Most Number of Business Registered in Multiple Locations in A Campaign** yang dilaksanakan di pejabat SSM seluruh Malaysia.

13.Kejayaan ini bukanlah semata-mata dari usaha warga kerja SSM sahaja tetapi ianya merupakan penglibatan dan sokongan para hadirin semua.

Berikan satu tepukan gemuruh untuk diri anda!

14.Kepada pelanggan yang mendaftarkan perniagaan anda pada hari ini, SSM akan memberikan sijil khas JOMDAFTARSSM2020 sebagai tanda penghargaan penyertaan tuan/puan.

Tahniah saya ucapkan kepada semua penerima sijil ini!

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

15. Akhir kata, saya ingin mengambil peluang dan ruang yang ada ini untuk menyeru kepada anda semua untuk terus bergiat aktif dalam bidang perniagaan sepertimana tagline SSM
Perniagaan Anda Bermula di SSM!

Dengan ini, saya merasmikan Program
#JomDaftarSSM2020.

Sekian, terima kasih.